

Headline	Penyanyi kena HIV		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	25 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,979



Penyanyi kena HIV

MENGGELUTAR lutut Raja apabila mendengar satu cerita yang disampaikan oleh kawan yang memberitahu secara rahsia seorang penyanyi yang boleh tahan popularnya baru saja dikenal pasti dijangkiti virus penyakit paling berbahaya dan menakutkan dalam sejarah tamadun manusia, iaitu HIV. Ujian darah yang dibuat terhadap penyanyi itu di sebuah hospital di Lembah Klang, baru-baru ini, khabarnya didapati positif HIV.

Rasa macam tidak percaya pula si penyanyi ini mendapat virus menakutkan itu dan sudah tentu tidak lama lagi kalau betul HIV itu terus merebak dalam badannya, dia akan dijangkiti AIDS. Kalau benarlah cerita yang Raja dengar, kasihan pada empunya badan. Sudah tentu si penyanyi ini sekarang berasakan hidupnya tidak bermakna lagi.

Yalah, siapa yang tidak takut dengan HIV atau AIDS. Penyakit yang belum ditemui penawarnya, selain hanya menunggu ajal menjemput. Raja ada terdengar kisah mengenai penyanyi berkenaan dimasukkan ke hospital tidak lama dulu. Tapi, Raja ingatkan sakit biasa saja. Raja percaya si penyanyi ini juga tidak menduga dirinya dijangkiti virus HIV.

Seorang teman Raja yang bekerja di sebuah hospital berkenaan menyampaikan cerita sedih ini kepada Raja, baru-baru ini. Secara kebetulan, teman Raja bertugas ketika si penyanyi dimasukkan di hospital berkenaan. Terkejut dibuatnya apabila pemeriksaan mendapati penyanyi yang sudah lama

tiada album tetapi masih aktif menyanyi di pentas itu dijangkiti virus HIV.

Raja tidak sangka, si penyanyi ni baik orangnya, peramah dan tidak pernah mencetuskan kontroversi. Tingkah lakunya juga menyenangkan. Kasihan, kesudahan hidupnya jadi begitu. Raja tidak mahu berprasangka buruk pada si penyanyi. Kita tidak tahu apa yang berlaku, mungkin dia dijangkiti secara tidak sengaja.

HIV dan AIDS kini wabak penyakit paling berbahaya. Pelbagai punca dikenal pasti sebagai pembawa virus penyakit ini antaranya perlakuan seks bebas, aktiviti pelacuran, gejala hubungan sejenis dan penyalahgunaan dadah, khususnya melalui suntikan jarum. Inilah pencetus utama merebaknya HIV dan penyakit AIDS.

Bagaimanapun, seperti dikatakan, Raja tidak mahu berprasangka buruk terhadap penyanyi berkenaan. Kita tidak berhak menghukumnya. Sebagai orang Islam, mungkin sudah takdir buatnya. Dan janganlah menyisihkannya. Sebagai manusia, kita juga tidak lepas melakukan kesilapan. Mana tahu, si penyanyi sudah insaf dan menyesali perbuatan silamnya. Mana tahu, kan? Semoga si penyanyi kuat menempuh dugaan hidup ini.

RAJA: Mendoakan semoga bapa Editor Hiburan Edisi Mingguan Berita Harian yang sedang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah agar segera sembuh.